SOALAN LAZIM BERKAITAN PELAKSANAAN NOMBOR PENGENALAN CUKAI
(*TAX IDENTIFICATION NUMBER*)

(Dikeluarkan pada 31 Disember 2021)

A. UMUM

<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Soalan</th><th>Maklum Balas</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Apakah yang dimaksudkan dengan nombor pengenalan cukai (tax identification number)?</td><td>Nombor pengenalan cukai adalah NOMBOR CUKAI PENDAPATAN sepertimana rekod sedia ada di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL).

Contoh:
<table><tr><th>Kategori</th><th>Jenis Fail</th></tr><tr><td>Individu Pemastautin dan Individu Bukan Pemastautin</td><td>SG / OG</td></tr><tr><td>Syarikat</td><td>C</td></tr></table></td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Adakah semua kategori pembayar cukai perlu mempunyai nombor cukai pendapatan?</td><td>Mana-mana pembayar cukai yang terdiri daripada kategori di bawah adalah diwajibkan mempunyai nombor cukai pendapatan:

(a) Pembayar cukai yang boleh ditaksir dan boleh dikenakan cukai; atau

(b) Pembayar cukai yang dikehendaki untuk mengemukakan borang nyata.

Pembayar cukai adalah merujuk kepada individu atau orang sepertimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967). ‘Orang’ adalah termasuk suatu syarikat, badan orang, perkongsian liabiliti terhad dan perbadanan tunggal.</td></tr>
</table>

Bil.	Soalan	Maklum Balas
3.	Adakah pihak HASiL memberikan nombor cukai pendapatan kepada semua pihak?	Nombor cukai pendapatan akan diberikan melalui permohonan yang dibuat atau diberikan oleh pihak HASiL menerusi kaedah: (a) pendaftaran automatik seperti pendaftaran nombor cukai pendapatan individu melalui potongan cukai bulanan (PCB); (b) pendaftaran secara automatik bagi syarikat baharu diperbadankan (syarikat tempatan atau syarikat asing) yang telah mendaftar secara dalam talian dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) melalui Portal MyCoID; (c) secara dalam talian di e-Daftar; atau (d) proses pendaftaran manual di Cawangan HASiL yang berhampiran.
4.	Adakah pembayar cukai yang telah mempunyai nombor cukai pendapatan perlu mendapatkan nombor pengenalan cukai?	Tidak. Mana-mana pembayar cukai yang telah diberikan nombor cukai pendapatan sebelum atau pada 1 Januari 2022 adalah disifatkan sebagai nombor pengenalan cukai bagi pembayar cukai berkenaan.
5.	Bagaimanakah cara untuk mendaftar sendiri nombor cukai pendapatan?	Nombor cukai pendapatan boleh diperoleh melalui kaedah pendaftaran seperti berikut: (a) Secara dalam talian melalui menu e-Daftar di pautan https://mytax.hasil.gov.my; atau (b) Kemukakan borang pendaftaran ke Cawangan HASiL yang berhampiran.
6.	Bagaimanakah cara untuk menyemak nombor cukai pendapatan yang telah didaftarkan oleh pihak HASiL?	Semakan pendaftaran nombor cukai pendapatan boleh dibuat melalui: (a) Secara dalam talian melalui MyTax di pautan https://mytax.hasil.gov.my; (b) HASiL Live Chat; (c) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara); (d) Borang Maklum Balas di Portal Rasmi HASiL; atau (e) Cawangan HASiL yang berhampiran.

B. PELAKSANAAN NOMBOR PENGENALAN CUKAI DI BAWAH AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Bil.	Soalan	Maklum Balas
7.	Bilakah nombor pengenalan cukai ini akan mula berkuat kuasa?	Pelaksanaan nombor pengenalan cukai ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022 selaras dengan peruntukan baharu di bawah seksyen 66A ACP 1967.
8.	Adakah pembayar cukai yang telah mempunyai nombor cukai pendapatan perlu mengemukakan borang nyata cukai pendapatan?	Pembayar cukai yang dikehendaki mengemukakan borang nyata cukai pendapatan adalah sepertimana yang dinyatakan di bawah peruntukan seksyen 77 dan 77A ACP 1967.
9.	Adakah individu yang mempunyai pendapatan yang tidak layak dikenakan cukai perlu mempunyai nombor cukai pendapatan dan mengemukakan borang nyata cukai pendapatan?	Nombor cukai pendapatan akan diberikan kepada individu warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas melalui permohonan yang dibuat atau diberikan oleh pihak HASiL. Individu yang dikehendaki mengemukakan borang nyata cukai pendapatan adalah sepertimana yang dinyatakan di bawah peruntukan seksyen 77 ACP 1967.
10.	Adakah individu berumur 18 tahun yang masih belajar sepenuh masa perlu mengemukakan borang nyata cukai pendapatan?	Tidak. Pembayar cukai yang dikehendaki mengemukakan borang nyata adalah sepertimana yang dinyatakan di bawah peruntukan seksyen 77 ACP 1967.
11.	Adakah individu yang telah bersara perlu mendapatkan nombor cukai pendapatan dan mengemukakan borang nyata cukai pendapatan?	Individu yang telah bersara daripada suatu penggajian perlu mempunyai nombor cukai pendapatan sekiranya: (a) dikehendaki mengemukakan borang nyata cukai pendapatan sepertimana yang dinyatakan di bawah peruntukan seksyen 77 ACP 1967; (b) melakukan transaksi pelupusan dan pemerolehan harta tanah atau syer dalam syarikat harta tanah di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (ACKHT 1976); atau (c) melakukan penyeteman dokumen dan surat cara melibatkan pindah milik harta tanah, pindah milik saham dan pindah milik perniagaan di bawah Akta Setem 1949.

C. PELAKSANAAN NOMBOR PENGENALAN CUKAI DI BAWAH AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Bil.	Soalan	Maklum Balas
12.	Adakah pelaksanaan nombor pengenalan cukai ini terpakai bagi transaksi di bawah ACKHT 1976?	Ya. Penggunaan nombor pengenalan cukai dalam borang nyata bagi urusan yang melibatkan transaksi di bawah ACKHT 1976 adalah diwajibkan.
13.	Apakah yang dimaksudkan dengan transaksi di bawah ACKHT 1976?	Semua pihak yang ingin melakukan transaksi pelupusan dan pemerolehan harta tanah atau syer dalam syarikat harta tanah perlu memiliki nombor cukai pendapatan.
14.	Apakah dokumen yang memerlukan nombor pengenalan cukai di bawah ACKHT 1976?	Dokumen yang memerlukan nombor pengenalan cukai adalah termasuk: (a) Borang CKHT 1A; (b) Borang CKHT 1B; (c) Borang CKHT 2A; (d) Borang CKHT 3; (e) Bayaran di bawah seksyen 21B ACKHT 1976 melalui Borang CKHT 502 oleh pemeroleh; dan (f) Surat-menyurat dan rayuan.
15.	Bilakah nombor pengenalan cukai ini akan mula berkuat kuasa?	Pelaksanaan nombor pengenalan cukai ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022 selaras dengan peruntukan baharu di bawah seksyen 57B ACKHT 1976.

LHDN MALAYSIA

D. PELAKSANAAN NOMBOR PENGENALAN CUKAI DI BAWAH AKTA SETEM 1949

Bil.	Soalan	Maklum Balas
16.	Adakah pelaksanaan nombor pengenalan cukai ini terpakai bagi transaksi di bawah Akta Setem 1949?	Ya. Penggunaan nombor pengenalan cukai dalam borang permohonan penyeteman bagi urusan yang melibatkan transaksi di bawah Akta Setem 1949 adalah diwajibkan.
17.	Apakah yang dimaksudkan dengan transaksi di bawah Akta Setem 1949?	Bagi fasa awal pelaksanaan, dokumen dan surat cara penyeteman melibatkan pindah milik harta tanah, pindah milik saham dan pindah milik perniagaan untuk kategori syarikat dan individu perlu menggunakan nombor cukai pendapatan.
18.	Bilakah nombor pengenalan cukai ini akan mula berkuat kuasa?	Pelaksanaan nombor pengenalan cukai ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022 selaras dengan peruntukan baharu di bawah seksyen 77C Akta Setem 1949.

Nota:

1. Soalan lazim (FAQ) ini disediakan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan maklumat, FAQ versi Bahasa Melayu akan diguna pakai.

2. FAQ ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa sekiranya terdapat perubahan dan maklumat tambahan.

LHDN
MALAYSIA